



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

OGOS 2020



e Newsletter
PEJABAT
HAL EHWAL
PELAJAR

HEP

KETUA EDITOR

PUAN HAWA BINTI OMAR

EDITOR

ENCIK AHMAD KHIRUL NIZAM
BIN ALI

PENULIS

MOHAMMAD IZ'ZAT BIN
ZULKHARNAIN



[phputhm](https://www.facebook.com/phputhm)



[heputhm](https://www.instagram.com/heputhm)



hep.uthm.edu.my



Minggu Transformasi Mahasiswa



Tahniah! Diucapkan kepada 864 orang mahasiswa baharu program Diploma Semester Khas 2020/2021 yang telah berjaya mendaftar pada 04 dan 05 Ogos 2020 di UTHM Kampus Cawangan Pagoh yang terdiri daripada 552 mahasiswa dan 312 mahasiswi dari Pusat Pengajian Diploma. Mereka akan mengikuti pengajian Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Diploma Sains Gunaan. Pelaksanaan Minggu Transformasi Mahasiswa disesuaikan dengan norma baharu di mana aktiviti - aktiviti diadakan secara dalam talian dan bersemuka tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Semoga para mahasiswa dapat menyesuaikan diri dalam situasi pembelajaran norma baharu.



JERAYAWARA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

Pada 13 Ogos dan 03 September 2020 Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) telah menganjurkan program JERAYAWARA Mahasiswa Baharu Program Diploma Semester Khas 2020/2021. Pelaksanaan Program JERAYAWARA ini adalah secara dalam talian dan melibatkan pelajar dari Kolej Kediaman Pagoh 1, Kolej Kediaman Pagoh 2 dan Kolej Kediaman Pagoh 3. Matlamat program ini adalah untuk memberi informasi berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar kepada semua pelajar. Taklimat yang disampaikan adalah mengenai kepentingan memupuk dan memelihara nilai dan integriti, etika dan sahsiah pelajar. Semoga program ini memberikan kebaikan dan manfaat kepada semua peserta.



UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Jerayawara MAHASISWA BAHARU
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR**

KOLEJ KEDIAMAN PAGOH 1
Tarikh : 13 Ogos 2020 (Khamis)
Masa : 10.00 Pagi
Pautan Program : <https://meet.google.com/qpm-ugrc-xfz>

Informasi berkaitan SAHSIAH dan pengurusan HAL EHWAL PELAJAR antaranya :

- ✓ INTEGRITI / RASUAH
- ✓ ETIKA / SAHSIAH
- ✓ KEBAIKATAN / PENAJAAN
- ✓ PROGRAM / AKTIVITI
- ✓ PROSEDUR KEWANGAN
- ✓ PENGANGKUTAN

akan dikongsikan bersama pelajar.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar

JERAYAWARA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

Bersama Mahasiswa Baharu Program Diploma Semester Khas 2020/2021

13 Ogos 2020 (Khamis)
09.50 Pagi

Kolej Kediaman Pagoh 1

<https://meet.google.com/qpm-ugrc-xfz>

13 Ogos 2020 (Khamis)
1.50 Petang

Kolej Kediaman Pagoh 2

<https://meet.google.com/npa-bazy-pxw>

03 September 2020 (Khamis)
10.00 Pagi

Kolej Kediaman Pagoh 3

<https://meet.google.com/yhn-pauf-ysw>

LAWATAN EXCO PELANCONGAN, BELIA & SUKAN NEGERI JOHOR



Sesi ramah mesra bersama Exco Bahagian Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor, YBhg. Dato Onn Hafiz Ghazi bersama YBhg. Naib Canselor dan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar telah berlangsung pada 27 Ogos 2020 bertempat di Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Intipati perjumpaan santai ini membincangkan beberapa perkara yang melibatkan aspek pembangunan belia di Negeri Johor, isu - isu semasa dan juga cabaran kepada anak muda.

Tahniah dan Selamat Maju Jaya kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Jasa Bakti, dan Anugerah Taat Setia Tahun 2019 Pejabat Hal Ehwal Pelajar

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

ANUGERAH JASA BAKTI

ANUGERAH TAAT SETIA





[phputhm](#)



[heputhm](#)



hep.uthm.edu.my

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**

